

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9 May 2015

PM yakin matlamat penyertaan tenaga kerja wanita itu mampu dicapai

# 55 peratus tahun ini

Umi - 9/5/2015

Oleh **SOFIAN BAHAROM**  
sofian.baharom@utusan.com.my

## ■ KUALA LUMPUR 8 MEI

**M**ALAYSIA berada di landasan yang betul untuk mencapai matlamat 55 peratus kadar penyertaan tenaga kerja wanita pada tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sasaran tersebut boleh direalisasikan berikutan penyertaan wanita dalam pekerjaan telah mencapai 53.6 peratus pada 2014 berbanding hanya 46 peratus pada 2009.

“Perkembangan ini menunjukkan kira-kira 600,000 penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan tambahan sebanyak 0.3 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahunan.

“Ini adalah keputusan yang ketara dan saya yakin bahawa pada kadar kemajuan ini, kita akan mencapai

sasaran 55 peratus menjelang akhir tahun ini,” katanya ketika menyampaikan ucap tama pada Program Memangkin Perubahan: Meletakkan Wanita Dalam Lembaga Pengarah dan Pelancaran Kelab 30 Peratus Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala.

Mengulas lanjut, Najib menjelaskan, ketika ini negara berada di peringkat akhir bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 dan adalah penting untuk memanfaatkan sepenuhnya bakat dan tenaga wanita di negara ini.

Kata beliau, perkara itu termasuk sebagai rakan kongsi dalam mencapai negara berpendapatan tinggi, membina ekonomi yang produktiviti tinggi dengan asas-asas yang betul

untuk pertumbuhan mampan.

Tambahnya, ketika menetapkan sasaran 30 peratus penglibatan wanita di peringkat pengurusan atasan menjelang 2016 empat tahun lalu, kerajaan tidak mengenakan sebarang kuota seperti dilakukan kebanyakan negara lain.

Sebaliknya, jelas beliau, kerajaan mengambil pendekatan secara sukarela dengan menggalakkan orang ramai dan syarikat-syarikat yang tersenarai untuk menyahut cabaran dan meningkatkan kepelbagaian penguasaan dan pentadbiran mereka.

“Kita telah mencapai kemajuan yang signifikan apabila dalam kerajaan, wanita mewakili 32.5 peratus gred Jusa C dan ke atas,” katanya.

Najib berkata, berbeza dengan sektor kerajaan, sasaran mencapai 30 peratus wanita sebagai ahli lembaga pengarah di syarikat-syarikat awam tersenarai, belum dicapai.

Menurutnya, ketika ini syarikat awam hanya mencapai 16 peratus

dan peratusannya lebih kecil dalam syarikat tersenarai iaitu pada kadar 10.3 peratus.

“Oleh itu, saya menggesa pemimpin syarikat untuk melakukan lebih lagi dengan mengambil langkah seterusnya bagi memecahkan siling kaca ini dan meletakkan wanita sebagai ahli lembaga,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau juga mengumumkan bahawa syarikat milik kerajaan (GLC) secara politiknya boleh membenarkan eksekutif mereka termasuk wanita berkhidmat sebagai ahli lembaga pengarah dengan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia.

Kata beliau, syarikat tersenarai berkenaan juga pada masa depan dikehendaki mendedahkan komposisi dan kepelbagaian ahli lembaga pengarah dari segi jantina, etnik dan umur.

“Biar semua memperoleh manfaat daripada kebijaksanaan dan kepakaran eksekutif wanita kita,” katanya.